

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)

SOALAN

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta
MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kutipan hasil daripada
tawaran bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) dan perincian insiatif
yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan menggunakan hasil
kutipan NPI sejak tahun 2018 sehingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan keseluruhan dari jualan nombor pendaftaran kenderaan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM311.8 juta. Penjualan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) adalah bermula pada tahun 2019, manakala *Bidding* melalui NPI bermula pada tahun 2023 dengan no. siri M_M, dan hasil jualan NPI siri M_M adalah sebanyak RM21 juta.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak tahun 2018 sehingga 2023, kesemua hasil kutipan jualan nombor pendaftaran kenderaan disalurkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan Kementerian tidak menerima insiatif dana daripada hasil penjualan nombor pendaftaran kenderaan tersebut.
3. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2024 sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2024, sebahagian penjualan NPI akan disalurkan kepada golongan kurang berkemampuan iaitu:
 - (a) Kerajaan bersetuju untuk terus menanggung bayaran ujian memandu bagi lesen motosikal kelas B2, e-hailing dan teksi yang akan memberi manfaat kepada lebih 40,000 belia daripada keluarga yang kurang berkemampuan;
 - (b) Sebanyak 100,000 topi keledar termasuk topi keledar kanak-kanak dapat dibekalkan dan diagih secara percuma kepada keluarga kurang mampu;
 - (c) Ikhtiar FLYsiswa akan diteruskan untuk manfaat hampir 60,000 pelajar daripada keluarga kurang mampu terutama di Wilayah Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan

NO. SOALAN: 8

- (d) Inisiatif pembiayaan PERKESO kepada hampir 50,000 pemandu teksi, kereta sewa dan pemandu bas sekolah.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) untuk siri GOLD. Jumlah kutipan bagi siri GOLD setakat ini adalah berjumlah RM17 juta. Seperti Yang Berhormat telah maklum, nombor siri GOLD1 telah dibida oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan nilai RM1.5 juta, menyumbang kepada hasil kerajaan. Separuh daripada hasil tersebut dikembalikan kepada Kementerian Pengangkutan bagi tujuan pelaksanaan inisiatif-inisiatif sepertimana yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.